SEJARAH TINGKATAN 4

**SOALAN DAN JAWAPAN**

**BAB 3 : TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA**

**Tajuk : Kerajaan Agraria**

***Soalan Struktur***

**Salah satu bentuk kerajaan yang muncul dalam tamadun awal di Asia Tenggara dikategorikan sebagai kerajaan agraria berdasarkan kedudukan geografi dan sosioekonomi masyarakatnya.**

**(a) Apakah maksud kerajaan agraria ?**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 75)***

- Kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian, penternakan dan memungut hasil hutan dan sungai.

  - Terbentuk di kawasan pertanian yang subur seperti di lembah sungai dan di lereng gunung berapi

**[2 markah]**

**(b) Senaraikan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat tersebut.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 75 - 76)***

- Menanam padi sawah atau padi huma
- Menanam tanaman sampingan
- Menghasilkan pelbagai jenis rempah
- Mengumpulkan hasil hutan
- Mengambil sarang burung dari gua
- Menangkap ikan di sawah, paya dan sungai.
- Mendapatkan kulit kura-kura
- Menternak binatang
- Memasarkan hasil lebihan ternakan dan tanaman kepada masyarakat maritim

**[9 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(c) Berikan tiga faktor yang meyumbang kepada kemajuan pertanian kerajaan agraria**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 76 - 77)***

- Pembinaan sistem pengairan yang baik
- Sistem pengairan yang bersumberkan sungai dan tasik
- Pembinaan sistem pengairan dilaksanakan oleh raja
- Sistem pengairan diuruskan oleh kerajaan

- Terletak di lembah sungai yang subur
- Iklim panas dan lembap sepanjang tahun **[6 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(d) Nyatakan kepentingan Tasik Tonle Sap kepada kehidupan masyarakat Angkor.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 77)***

- Membekalkan sumber air minuman
- Membekalkan sumber ikan air tawar
- Punca untuk mengairi sawah
- Mendapan Lumpur menyuburkan kawasan sekitar **[4 x 1m = Mak. 2 markah]**

**Tajuk : Kerajaan Agraria dan Kerajaan Maritim**

***Soalan Esei***

**(a) Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan Srivijaya muncul sebagai sebuah kerajaan maritim yang terulung di Asia Tenggara.** ***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 80 – 81)***

**Tentera** - Memiliki bala tentera yang besar.

**Kawal** - Tentera mengawal perdagangan dan keselamatan kerajaan

**Pelabuhan** - Memiliki pelabuhan yang baik.

**Strategik** - Kedudukan pelabuhannya strategik iaitu di Selat Melaka.

**Persinggahan** - Menjadi persinggahan pedagang dari China dan India.

**Wilayah** - Wilayah taklukannya membekalkan hasil dan barangan perdagangan.

**Kapal** - Mampu menghasilkan kapal besar.

**Hubungan** - Mempunyai hubungan dengan pelabuhan Kedah Tua. **[8 x 1m = Mak. 8 markah]**

**(b) Mengapakah kerajaan maritim dan kerajaan agraria di Asia Tenggara saling bergantung antara satu sama lain ?** ***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 83)***

**Beras** - Kerajaan agraria membekalkan beras kepada kerajaan maritim.

**Dagangan** - Beras menjadi barang dagangan utama antara kedua-dua kerajaan.

**Mewah** - Kerajaan agraria bergantung kepada kerajaan maritim untuk mendapatkan barangan mewah dari luar.

**Hutan** - Kerajaan agraria membekalkan hasil hutan kepada kerajaan agraria sebagai tukaran dalam perdagangan.

**Gajah** - Gajah untuk kenderaan raja diperolehi daripada kerajaan agraria.

**Tukang** - Tukang kayu dan tukang batu yang mahir dibekalkan oleh kerajaan agraria.

**[6 x 2m = Mak. 8 markah]**

**Tajuk : Kerajaan Maritim**

***Soalan Struktur***

**(a) Nyatakan ciri-ciri utama kerajaan maritim.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 78 - 79)***

- Terletak di lembah sungai di kawasan pesisir pantai dan kepulauan
- Masyarakatnya menjalankan kegiatan menangkap ikan dan memungut hasil laut.
- Mempunyai pelabuhan sebagai tempat berdagang.
- Berperanan sebagai pelabuhan entreport.

**[4 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(b) Apakah yang dimaksudkan dengan pelabuhan entreport ?**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.79)***

- Pelabuhan yang berperanan membekalkan hasil tempatan dan hasil kawasan taklukannya kepada pedagang antarabangsa yang berdagang di pelabuhannya.
- Pelabuhan nini juga berperanan membeli barangngan daripada pedagang antarabangsa dan mengedarkannya pedagang yang datang dari pelabuhan sekitarnya.

**[ 2 markah]**

**(c) Senaraikan faktor-faktor yang mendorong perkembangan Kedah Tua sebagai pelabuhan entreport.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 79)***

- Berperanan sebagai pelabuhan pembekal
- Terletak di Selat Melaka
- Kedudukannya di laluan perdagangan di antara China dengan India
- Menjalin hubungan perdagangan dengan kerajaan besar seperti China dan India
- Mempunyai hasil buminya sendiri seperti logam, hasil hutan dan hasil laut.
- Mempunyai hasil yang dibekalkan oleh kerajaan lain.

- Mempunyai pelabuhan yang lengkap dengan kemudahan.

**[7 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(d) Berikan sebab-sebab orang Melayu merupakan pelaut, pedagang dan peneroka yang terulung di Asia Tenggara.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 79 - 80)***

- Bahasa Melayu dijadikan lingua franca
- Mempunyai pelabuhan yang lengkap dengan kemudahan.
- Semangat masyarakat untuk meneroka dan berdagang dengan masyarakat di luar.
- Memiliki kemahiran membuat perahu dan kapal layar.
- Mengetahui kaedah pelayaran.

**[5 x 1m = Mak. 3 markah]**

**Tajuk : Pengaruh Agama Hindu dan Buddha dalam Kerajaan Awal**

***Soalan Esei***

**(a) Bagaimanakah pengaruh agama Hindu dan Buddha tersebar di Asia Tenggara pada zaman kerajaan awal ?** ***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 84 - 85)***

**Ksyatria -** Dibawa oleh golongan ksyatria / tentera.

**Penakluk -** Disebarkan oleh golongan penakluk dari India yang membentuk tanah jajahan.

**Vaisya -** Dibawa oleh golongan pedagang / vaisya

**Brahmin -** Dibawa oleh golongan Brahmin / pendeta

**Budaya -** Pengambilan aspek kebudayaan India yang menarik dan disesuaikan dengan budaya tempatan.

**[5 x 2m = Mak. 8 markah]**

**(b) Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha terhadap sistem pemerintahan dan pentadbiran kerajaan awal di Asia Tenggara.** ***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 85 - 86)***

**Gelaran -** Penggunaan gelaran raja

**Beraja** - Strukur pemerintahan di pengaruhi oleh sistem beraja di India.

**Puncak** - Raja berada di puncak pemerintahan dan dibantu oleh golongan bangsawan dan pembesar.

**Mutlak** - Raja berkuasa mutlak.

**Perintah** - Perintah raja adalah undang-undang.

**Derhaka** - Melanggar titah raja adalah derhaka.

**Dewaraja** - Raja dianggap bayangan tuhan / dewaraja.

**Sakti** - Raja mempunyai kesaktian.

**Adat** - Adat istiadat diwujudkan untuk mengukuhkan kedudukan raja seperti adatistiadatpertabalan.

**Brahmin** - Brahmin memimpin upacara pertabalan.

**Orde** - Pembinaan kota yang melambang orde kosmos.

**[11 x 2m = Mak. 12 markah]**

***Tajuk :*** *Pengaruh Hindu dan Buddha dalam Kesenian dan Kesusasteraan*

***Soalan Struktur***

**Antara warisan kesenian tinggalan kerajaan awal di Asia gara mempunyai pengaruh Hindu dan Buddha ialah monumen dan batu bersurat.**

**(a) Apakah maksud monumen ?**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.88)***

- Monumen ialah binaan atau bangunan yang dibuat daripada batu dengan tujuan memperingati orang ternama, atau peristiwa penting.
- Monumen boleh berupa candi / kuil / wat / stupa, arca dan patung.

**[2 markah]**

**(b) Senaraikan fungsi candi sebagai monumen keagamaan.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 88 - 89)***

- Berperanan sebagai rumah ibadat
- Sebagai tempat menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya.
- Tempat menyimpan patung dewa utama
- Menjadi lambang keagungan pemerintah
- Melambangkan orde kosmos

**[5 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(c) Nyatakan ciri-ciri binaan Angkor Wat.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 90 - 91)***

- Tingginya 213 meter
- Keluasan kawasannya ialah 208 hektar
- Mempunyai tempat pemujaan di bahagian tengahnya
- Tempat pemujaan berbentuk teres bertingkat empat setinggi 39 meter.
- Setiap sudut mempunyai menara.
- Di bahagian luarnya terdapat tembok.
- Tembok dibuat daripada batu dengan ukuran 850 meter lebar dan 1 000 meter panjang.
- Terdapat ukiran epik Ramayana dan Mahabharata di dinding tembok.

**[8 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(d) Berikan tiga kegunaan batu bersurat dalam kerajaan awal di Asia Tenggara.**

***(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 92 - 93)***

- Mencatat keturunan raja
- Menulis maklumat berkaitan agama Buddha
- Mencatat perkara yang berkaitan dengan pemerintahan
- Mencatat amaran raja kepada rakyat

**[4 x 1m = Mak. 2 markah]**